

Mangsa banjir bertambah

KERIAN - Akibat paras air meningkat di Tasik Bukit Merah, beberapa kampung di daerah ini dilanda banjir berikutan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) terpaksa melepaskan air ke Sungai Kurau bagi mengelak empangan pecah.

Tindakan itu menjadikan mangsa banjir bertambah daripada 40 orang Isnin lalu kepada 77, semalam.

Pegawai Daerah Kerian yang juga Pengerusi Jawatan Kuasa Pengurusan Bencana Alam Kerian, Kamaruddin Awang berkata, kesemua mangsa yang berasal dari Kampung Batu 40, Kampung Perlis dan Kampung Ban Abu Hasan dipindahkan ke pusat pemindahan banjir di Sekolah Kebangsaan (SK) Bukit Merah.

Bagaimanapun menurutnya, di kawasan Tebuk Panchor, dan Padang Lalang, penduduk masih menetap di rumah mereka kerana banjir

di kawasan itu tidak berapa serius.

“Kemungkinan banjir surut pada masa terdekat tidak boleh diramal kerana hujan masih berlaku dan paras air di tasik Bukit Merah juga tidak banyak berubah.

“Sehingga kini, kedalaman air di kawasan dilanda banjir masih kekal antara satu meter hingga 1.5 meter,” katanya.

Kamarudin berterima kasih kepada pihak terlibat seperti Pasukan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Pertahanan Awam (JPAM), Ikatan Relawan Rakyat (Rela) dan polis kerana membantu dalam operasi pemindahan mangsa banjir.

Beliau turut menyampaikan bantuan daripada Tabung Bencana Alam Daerah sebanyak RM300 kepada setiap keluarga di pusat berkenaan.